169C. (a) Tatacara rampasan atau pemulangan deposit tender dirujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(b) [Dimansuhkan]

## 169D. Kontrak Perolehan

### Dokumen Kontrak

- 169D (a) Sebelum suatu perolehan bagi bekalan, perkhidmatan dan kerja disetujui terima, Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 [*Akta 120*] hendaklah berpuas hati bahawa syarat-syarat perolehan telah diputuskan dan dinyatakan dengan jelas.
- (b) Bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan secara sebut harga di mana dokumen kontrak tidak sesuai untuk diadakan, memadai dengan Pesanan Kerajaan/Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Bagi perolehan kerja secara sebut harga, memadai Inden Kerajaan/SST dikeluarkan dan format Inden Kerajaan/SST adalah tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (c) Dokumen Kontrak hendaklah disempurnakan bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa. Arahan Perbendaharaan 169G hendaklah dipatuhi bagi maksud semua dokumen kontrak.

### Pesanan Kerajaan

- (d) Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan dalam tiga (3) salinan pada masa bekalan atau perkhidmatan dipesan. Bagi Pesanan Kerajaan yang dijana melalui sistem elektronik hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan atau peraturan yang berkuat kuasa.
- (i) salinan asal dan pendua hendaklah dihantar kepada pembekal atau kontraktor. Salinan asal hendaklah dikembalikan oleh pembekal atau kontraktor bersama bil atau invoice. Pembayaran tidak boleh dibuat jika salinan asal Pesanan Kerajaan tidak dikembalikan pada bil asal atau invoice; dan
- (ii) salinan pendua hendaklah disimpan oleh pembekal atau kontraktor dan salinan peniga hendaklah disimpan untuk rekod pejabat.
- Buku Pesanan Kerajaan hendaklah disimpan di tempat yang berkunci. Dokumen yang disediakan melalui komputer juga hendaklah disimpan dengan selamat. Pesanan Kerajaan mestilah ditandatangani hanya oleh pegawai yang diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh Pegawai Pengawal atau Pemegang Waran Peruntukan secara bertulis.
- (e) [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]



- (f) Sekiranya Pesanan Kerajaan asal yang dibuat secara manual hilang, Pegawai Pengawal/Pemegang Waran Peruntukan boleh mengeluarkan suatu salinan yang diperakui benar bagi Pesanan Kerajaan yang asal itu. Pegawai Pengawal/Pemegang Waran Peruntukan hendaklah mencatatkan pada salinan pejabat bahawa salinan yang asal telah hilang dan satu (1) salinan yang diperakui benar telah dikeluarkan. Salinan yang diperakui benar itu hendaklah dikembalikan pada bil untuk pembayaran dan memperakukan bahawa Pesanan Kerajaan itu belum pernah dibayar.

### **Menandatangani Kontrak**

169E. Semua kontrak hendaklah dibuat atas nama Kerajaan dan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa di bawah Akta Kontrak Kerajaan 1949 [*Akta 120*]. Had nilai yang diberi kuasa hendaklah tidak kurang daripada had nilai setuju terima tender oleh Lembaga Perolehan seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

### **Bon Pelaksanaan**

169F. (a) Sebelum suatu kontrak bekalan, perkhidmatan dan kerja disempurnakan, pembekal/kontraktor yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan. Syarat, jenis, kadar, kaedah pengiraan dan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(b) [Dimansuhkan]

(c) [Dimansuhkan]

### **169G. Syarat Kontrak**

Jika suatu syarat kontrak telah disepak dan diluluskan oleh Peguam Negara atau Penasihat Undang-Undang bagi kegunaan am, pegawai yang diberi kuasa boleh melaksanakannya tanpa merujuk semula untuk nasihat undang-undang selanjutnya. Nasihat daripada Peguam Negara atau Penasihat Undang-Undang adalah perlu sekiranya:

- (a) pindaan matan dibuat ke atas terma dan syarat kontrak;
- (b) melibatkan implikasi undang-undang walaupun melibatkan kontrak yang kecil nilainya; dan
- (c) kontrak itu memasukkan prinsip atau dasar baharu atau suatu jenis perkhidmatan yang belum pernah dibuat kontrak.

### **169H. Pengedaran Dan Penyimpanan Dokumen Kontrak**

Kementerian/Jabatan hendaklah menyimpan dokumen kontrak selepas suatu kontrak ditandatangani dan salinannya diedarkan kepada agensi yang

berkaitan mengikut Pekeliling Perbendaharaan atau peraturan yang berkuat kuasa.

(a) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

(c) [Dimansuhkan]

169I. Sesalinan perubahan kontrak atau lanjutan masa dan laporan sama ada suatu tempoh kontrak itu telah diselesaikan atau sebaliknya hendaklah diedarkan kepada agensi yang berkaitan mengikut Pekeliling Perbendaharaan atau peraturan yang berkuat kuasa.

169J. Pembayaran atau penerimaan hasil yang diperoleh daripada kontrak hendaklah direkodkan oleh Kementerian/Jabatan pada salinan kontrak pejabat atau dalam daftar yang disimpan bagi maksud itu dan untuk rujukan pada masa hadapan.

### **Bekalan Dan Perkhidmatan Guna Sama**

#### **Kontrak Pusat Dan Kontrak Panel Berpusat Perbendaharaan**

169K. (a) Perbendaharaan menguruskan Kontrak Pusat bagi bekalan dan perkhidmatan guna sama tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan atau peraturan yang berkuat kuasa. Kementerian/Jabatan hendaklah menggunakan Kontrak Pusat ini dan tidak boleh mendapatkan bekalan dan/atau perkhidmatan guna sama daripada pembekal lain.

(b) Perbendaharaan juga menetapkan bekalan dan perkhidmatan tertentu yang hendaklah diperoleh melalui Kontrak Panel Berpusat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Kementerian/Jabatan hendaklah mendapatkan bekalan dan/atau perkhidmatan daripada panel pembekal atau kontraktor yang telah dilantik oleh Perbendaharaan.

### **Penggunaan Kontrak Kementerian/Jabatan Lain**

169L. Kementerian/Jabatan boleh juga memperoleh bekalan barangan yang diperlukan daripada Kementerian/Jabatan yang mempunyai kontrak sebagai pengguna utama sesuatu barangan atau daripada pembekal atas syarat-syarat yang sama.

## **(ii) PEROLEHAN BEKALAN**

### **170. Tatacara Perolehan Bekalan**

- 170.1 (a) Had nilai perolehan bekalan secara pembelian terus, sebut harga, tender dan lain-lain adalah ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
- (b) Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecil nilai perolehan setiap jenis item melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan atau suatu kontrak bekalan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender.

### **Tatacara Menguruskan Sebut Harga**

- 170.2 (a) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
  - (iii) [Dimansuhkan]
  - (iv) [Dimansuhkan]
  - (v) [Dimansuhkan]
- (d) [Dimansuhkan]
- (e) [Dimansuhkan]

### **Pelantikan Dan Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga**

- 170.3 (a) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]

### **171. Tender**

171.1 [Dimansuhkan]

### **172. Publisiti Tender**

172.1 (a) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

(c) [Dimansuhkan]

### 173. **Pembelian**

173.1 [Dimansuhkan]

#### **Perolehan Darurat**

173.2 [Arahan dipindahkan ke Arahan Perbendaharaan 169A]

### 174. **Spesifikasi**

#### **Spesifikasi Untuk Sebut Harga Atau Tender**

174.1 (a) Apabila sebut harga atau tender dipelawa, spesifikasi yang merangkumi ciri-ciri teknikal, fungsi dan prestasi hendaklah dinyatakan dengan lengkap dan jelas supaya pembekal memahami keperluan Kerajaan. Bagi perolehan aset, perlu juga mengambil kira komponen pemasangan, latihan, pengangkutan dan lain-lain.

(b) Sekiranya Kementerian/Jabatan ingin melaksanakan perolehan yang spesifikasi penuh tidak dapat disediakan, butir-butir lain seperti keupayaan minimum dan pernyataan kehendak Kerajaan hendaklah dinyatakan kepada petender supaya petender mempunyai pemahaman yang sama untuk mengemukakan tawaran.

(c) Nama dagangan atau nama jenama tidak boleh digunakan dalam spesifikasi sebut harga atau tender. Jika ini tidak dapat dielakkan, ungkapan "atau persamaan" hendaklah ditulis selepas nama dagangan atau nama jenama di atas dokumen sebut harga atau tender itu.

#### **Syarat-syarat Tender**

174.2 Semua Kementerian/Jabatan hendaklah menggunakan syarat am tender sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Jika perlu, Kementerian/Jabatan boleh menambah syarat tertentu asalkan ia tidak bercanggah dengan syarat am.

### 175. **Deposit Tender**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169B]

#### **Deposit Tender Tempatan Atau Antarabangsa**

175.1 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169B(a)]

(b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169B(b)]

(c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169B(c)]

- (d) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169B(d)]

### **Rampasan Atau Pemulangan Deposit Tender**

- 175.2 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169C(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169C(b)]

### **176. Kontrak Perolehan**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D]

- 176.1 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(b)]
- (c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(c)]

### **Pesanan Kerajaan**

- 176.1 (d) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(d)]
  - (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(d)(i)]
  - (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(d)(ii)]
- 176.1 (e) (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(e)(i)]
  - (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(e)(ii)]
- 176.1 (f) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169D(f)]

### **Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan**

- 176.2 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169F(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169F(b)]
- (c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169F(c)]

### **177. Pembayaran Bagi Pesanan Kerajaan**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 190C]

### **Tatacara Bayaran**

- 177.1 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 190C(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 190C(b)]

### **178. Bekalan Dan Perkhidmatan Guna Sama**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169K]

## **Kontrak Pusat Dan Kontrak Panel Berpusat Perbendaharaan**

178.1 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169K(a)]

(b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169K(b)]

## **Penggunaan Kontrak Kementerian/Jabatan Lain**

178.2 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169L]

## **Pendaftaran Pembekal Bagi Perolehan Bekalan**

178A. Semua urusan pendaftaran pembekal di Semenanjung Malaysia hendaklah dikendalikan oleh Kementerian Kewangan sahaja, manakala bagi pendaftaran di Negeri Sabah dan Sarawak, pendaftaran pembekal dikendalikan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak. Kementerian/Jabatan dikehendaki mempelawa hanya pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (termasuk Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak) untuk mengambil bahagian dalam urusan perolehan bekalan manakala perolehan secara pembelian terus boleh dilaksanakan dengan pembekal yang berdaftar atau tidak berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

## **Bayaran Pendaftaran**

178B. Bagi maksud pendaftaran di bawah Arahan Perbendaharaan 178A, kontraktor hendaklah dikenakan bayaran pada kadar tertentu mengikut Akta Fi 1951 [*Akta 209*].

## **178C. Perubahan Dan Pelanjutan Tempoh Kontrak Untuk Kontrak Bekalan**

(a) Perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan bagi perolehan Persekutuan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dengan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

(v) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

- (c) Perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan bagi perolehan Negeri hendaklah dirujuk dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri.
- (d) [Dimansuhkan]
  - (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
  - (iii) [Dimansuhkan]
  - (iv) [Dimansuhkan]
  - (v) [Dimansuhkan]
  - (vi) [Dimansuhkan]
- (e) [Dimansuhkan]

### (iii) PEROLEHAN KERJA

#### 179. Jadual Kadar

#### Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam Dan Bangunan

- 179.1 (a) Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan boleh digunakan oleh semua Kementerian/Jabatan.
- (b) Ketua Jabatan Kejuruteraan dalam sesuatu Negeri boleh mengemukakan Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan untuk diperakukan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Persekutuan berkenaan dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Pegawai Kewangan Negeri untuk melaksanakan kerja mengikut jadual yang diluluskan itu melalui Inden Kerajaan. Jadual Kadar hendaklah disemak sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali untuk menentukan kesesuaiannya.
- (c) Inden Kerajaan yang dikeluarkan mengikut Jadual Kadar Kerja Kejuruteraan Awam dan Bangunan tidak boleh melebihi had nilai yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Ketua Jabatan Kejuruteraan atau Bahagian Kejuruteraan atau Ketua Jabatan boleh memberi kuasa secara bertulis kepada Jurutera, pegawai menjaga daerah atau pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menandatangani Inden Kerajaan.

#### Jadual Kadar Kerja Elektrik

- 179.2 (a) Jadual Kadar Kerja Elektrik yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan boleh digunakan oleh semua Kementerian/Jabatan.

- (b) Ketua Jabatan Kejuruteraan dalam suatu Negeri boleh mengemukakan Jadual Kadar Kerja Elektrik untuk diperakukan oleh Ketua Jabatan Persekutuan berkenaan dan diluluskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan/Pegawai Kewangan Negeri untuk melaksanakan kerja mengikut jadual yang diluluskan itu melalui Inden Kerajaan. Jadual Kadar hendaklah disemak sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali untuk menentukan kesesuaiannya.
- (c) Inden Kerajaan yang dikeluarkan mengikut Jadual Kadar Kerja Elektrik tidak boleh melebihi nilai yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Ketua Jabatan Kejuruteraan atau Bahagian Kejuruteraan atau Ketua Jabatan boleh memberi kuasa secara bertulis kepada Jurutera, pegawai menjaga daerah atau pegawai yang dipertanggungjawabkan bagi menandatangani Inden Kerajaan.

## 180. ***Requisition***

### **Kerja-kerja Requisition**

- 180.1 (a) *Requisition* ialah kerja-kerja kecil dan pembaikan yang tidak mengubah struktur asal. Kerja-kerja *Requisition* boleh dilaksanakan secara lantikan terus, undian atau pusingan dengan menggunakan Jadual Kadar Kerja.
- (b) [Dimansuhkan]
  - (c) Had nilai kerja yang boleh dilaksanakan secara lantikan terus, undian atau pusingan adalah mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

### **Kerja-kerja Selain *Requisition***

- 180.2 (a) Kerja-kerja selain *Requisition* hendaklah dilaksanakan secara lantikan terus, sebut harga atau tender mengikut had nilai perolehan kerja yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (b) Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecil nilai kerja bagi mengelakkan pelawaan sebut harga dan tender .
  - (c) [Dimansuhkan]
  - (d) [Dimansuhkan]
181. [Dimansuhkan]
- (a) [Dimansuhkan]



## 182. Kerja-kerja Bagi Jabatan Bukan Teknik

### Rujukan Kepada Jabatan Teknik

- 182.1 (a) (i) Semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia bagi melaksanakan semua projek kerja tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- (ii) Bagi projek pembangunan fizikal di Sabah dan Sarawak, semua Jabatan Bukan Teknik hendaklah mendapatkan perkhidmatan daripada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran seperti di Jadual I.

**JADUAL I**  
**HAD NILAI PROJEK BAGI RUJUKAN KE JABATAN TEKNIK**

<b>BIL</b>	<b>JABATAN TEKNIK</b>	<b>HAD NILAI PROJEK</b>
(a)	Jabatan Kerja Raya/Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah/Sarawak	Sehingga RM50 juta
(b)	Jabatan Kerja Raya/Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia	Melebihi RM50 juta

- (b) [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]
- (iv) [Dimansuhkan]
- (v) [Dimansuhkan]
- (c) Sekiranya Jabatan Teknik tidak mengemukakan maklumbalas dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat Agensi diterima oleh Jabatan Teknik, maka Kementerian/Jabatan boleh melaksanakannya dengan menggunakan perkhidmatan perunding mengikut tatacara semasa yang sedang berkuat kuasa.
- (d) (i) Bagi kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan Kerajaan Persekutuan, kelulusan daripada Bahagian yang berkenaan di Jabatan Perdana Menteri atau Jabatan yang diberi tanggungjawab untuk mengurus hal ini hendaklah diperoleh terlebih dahulu dan Arahan Perbendaharaan 182.1(a) hendaklah dipatuhi.

- (ii) Bagi kerja-kerja tambahan atau pengubahsuaian yang melibatkan bangunan yang disewa, kebenaran tuan punya bangunan hendaklah diperoleh terlebih dahulu. Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- (e) Kerja-kerja penyenggaraan membaiki kerosakan kecil yang tidak melibatkan struktur bangunan atau kerja elektrik yang bernilai tidak melebihi RM200,000 bagi satu (1) kali pembaikan boleh diuruskan sendiri oleh Kementerian/Jabatan tanpa merujuk kepada Jabatan Teknik. Walau bagaimanapun, kerja-kerja berkenaan hendaklah dipelawa mengikut Arahan Perbendaharaan 180.

### **183. Waran Peruntukan Kecil Kepada Jabatan Teknik**

#### **Waran Peruntukan**

183.1 Bagi kerja yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Teknik, Waran Peruntukan Kecil untuk kerja tersebut hendaklah dikeluarkan kepada Pegawai Pengawal Jabatan Teknik secepat mungkin dalam tahun kewangan.

### **184. Pendaftaran Kontraktor Kerja**

- 184.1 (a) Semua pendaftaran kontraktor kerja mana-mana Pihak Berkuasa di bawah undang-undang hendaklah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]
- (d) Semua Kementerian/Jabatan dikehendaki mempelawa hanya kontraktor kerja awam, kerja bangunan, kerja mekanikal dan kerja elektrik yang berdaftar dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan untuk mengambil bahagian dalam urusan perolehan berkenaan.

#### **Pendaftaran Pembekal Bagi Perolehan Bekalan**

184.2 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178A]

- (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178A(i)]
- (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178A(ii)]

#### **Pendaftaran Perunding**

184.3 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 189A]

184.4 [Dimansuhkan]

## **Bayaran Pendaftaran**

184.5 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178B dan Arahan Perbendaharaan 189B]

## **Wang Tahanan**

- 184A. (a) Wang Tahanan tidak dikenakan bagi kontrak kerja tempatan dan hanya dikenakan bagi kontrak kerja antarabangsa serta tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.
- (b) [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]

## **Tempoh Tanggungan Kecacatan**

- 184B. (a) Setiap kontrak kerja hendaklah mempunyai tempoh tanggungan kecacatan sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Dalam tempoh ini, kontraktor hendaklah memperbaiki apa-apa kecacatan atas kerja yang dilakukan. Jika kontraktor tidak dapat memperbaiki kecacatan dalam tempoh tersebut, Kementerian/Jabatan hendaklah menguruskan supaya kecacatan itu dapat diperbaiki dan perbelanjaan yang terlibat hendaklah ditolak daripada Wang Tahanan yang dikenakan bagi kontrak kerja antarabangsa.
- (b) Bagi kontrak kerja tempatan, perbelanjaan memperbaiki kecacatan yang dibiayai oleh Kementerian/Jabatan dalam tempoh tanggungan kecacatan itu hendaklah dituntut daripada Bon Pelaksanaan yang telah dikreditkan ke akaun deposit. Baki Bon Pelaksanaan boleh dipulangkan kepada kontraktor selepas Perakuan Muktamad dikeluarkan atau boleh dilepaskan lebih awal tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Bagi perbelanjaan memperbaiki kecacatan yang dibiayai daripada peruntukan Kementerian/Jabatan, perbelanjaan hendaklah dituntut daripada Bon Pelaksanaan dan dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.
- 184C. Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah ditentukan mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

#### **184D. Arahan Perubahan Kerja**

##### **Definisi Dan Kriteria Arahan Perubahan Kerja**

- 184D. (a) Perubahan pada kontrak kerja bermaksud sebarang penyimpangan daripada kontrak berkaitan dengan pelan, spesifikasi dan/atau Senarai Kuantiti (*Bill Of Quantities*) sama ada dipinda, ditambah atau dikurangkan.
- (b) Setiap perubahan pada kontrak kerja hendaklah memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]
- (iv) [Dimansuhkan]
- (c) Kerja tambahan hendaklah seboleh-bolehnya dilaksanakan secara sebut harga atau tender berasingan mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (d) Amalan mengeluarkan kerja yang terkandung dalam suatu kontrak untuk dilaksanakan oleh pihak lain atau pihak Kementerian/Jabatan sendiri tidak dibenarkan.

##### **Had Nilai Perubahan Dan Pihak Berkuasa Melulus**

184E. Sebelum mengeluarkan arahan perubahan kerja, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan yang kerja tersebut benar-benar perlu dan ada peruntukan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan tambahan dan kelulusan pelaksanaannya daripada Pihak Berkuasa Melulus seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

##### **Asas Perkiraan Nilai Arahan Perubahan Kerja**

184F. [Dimansuhkan]

#### **(iv) PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERUNDING**

##### **185. Perkhidmatan**

##### **Perkhidmatan Perunding**

185.1 Perkhidmatan Perunding terbahagi kepada dua (2) iaitu Perunding Fizikal dan Perunding Bukan Fizikal. Kementerian/Jabatan hendaklah merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa berkaitan bidang perkhidmatan perunding.

- (a) [Dimansuhkan]
  - (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
  - (iii) [Dimansuhkan]
  - (iv) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
  - (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
  - (iii) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]

##### **Perkhidmatan Bukan Perunding**

185.2 [Dimansuhkan]

- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]
- (iv) [Dimansuhkan]
- (v) [Dimansuhkan]
- (vi) [Dimansuhkan]

##### **186. Kebenaran Menggunakan Perkhidmatan Perunding Fizikal**

- (a) Kementerian/Jabatan dikehendaki merujuk projek masing-masing kepada Jabatan Teknik iaitu Jabatan Kerja Raya atau Jabatan Pengairan dan Saliran terlebih dahulu sebelum melantik perunding

fizikal. Jika Jabatan Teknik mengesahkan tidak berkemampuan melaksanakan projek berkenaan, maka Kementerian/Jabatan boleh melantik perunding mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Pertimbangan oleh Jabatan Teknik hendaklah bersekali dengan Arahan Perbendaharaan 182.

- (b) Kementerian/Jabatan yang mempunyai unit teknik sendiri tetapi tidak dapat melaksanakan sendiri projek hendaklah merujuk kepada Jabatan Teknik yang berkenaan terlebih dahulu.
- (c) Bagi perkhidmatan yang tidak disediakan oleh Jabatan Teknik, perolehan perkhidmatan perunding hendaklah dibuat berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

**187. Pihak Berkuasa Melantik Dan Meluluskan Perolehan Perkhidmatan Perunding**

- (a) Pihak Berkuasa dan had kuasa melantik dan meluluskan perolehan perkhidmatan perunding ditetapkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
  - (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
  - (iii) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
  - (i) [Dimansuhkan]
  - (ii) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]

**188. Dokumen Kontrak Perkhidmatan Perunding**

Dokumen kontrak hendaklah disempurnakan bagi semua perolehan perkhidmatan perunding tanpa mengira had nilai. Format kontrak hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

**189. Pematuhan Peraturan Perolehan Kerajaan Oleh Perunding**

Bagi projek atau kajian yang diuruskan oleh perunding, Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan peraturan-peraturan perolehan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dipatuhi sepenuhnya oleh perunding.

**189A. Pendaftaran Perunding**

Pendaftaran Perunding bagi perolehan Kerajaan seluruh Malaysia adalah dikendalikan oleh Kementerian Kewangan. Semua Kementerian/Jabatan

dikehendaki menggunakan hanya perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

### **Bayaran Pendaftaran**

189B. Bagi maksud pendaftaran yang disebutkan di atas, perunding hendaklah dikenakan fi tertentu menurut Akta Fi 1951 [*Akta 209*].

### **(v) PEROLEHAN PERKHIDMATAN BUKAN PERUNDING**

#### **190. Perkhidmatan Bukan Perunding**

- (a) Perolehan perkhidmatan bukan perunding secara pembelian terus, sebut harga dan tender hendaklah mengikut had nilai dan tatacara dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (b) (i) [Dimansuhkan]  
(ii) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]
- (d) Kementerian/Jabatan adalah dilarang memecah kecil nilai perolehan setiap jenis item melibatkan jumlah perbelanjaan tahunan atau suatu kontrak perkhidmatan bagi mengelakkan pelawaan sebut harga atau tender.

190A. [Dimansuhkan]

#### **190B. Pendaftaran Kontraktor Perkhidmatan**

Semua urusan pendaftaran kontraktor perkhidmatan di Semenanjung Malaysia hanya dikendalikan oleh Kementerian Kewangan, manakala bagi pendaftaran di Sabah dan Sarawak, pendaftaran kontraktor perkhidmatan dikendalikan oleh Perbendaharaan Persekutuan berkenaan. Kementerian/Jabatan dikehendaki mempelawa hanya kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (termasuk Perbendaharaan Malaysia Sabah dan Perbendaharaan Malaysia Sarawak) untuk mengambil bahagian dalam urusan perolehan perkhidmatan kecuali bagi perolehan secara pembelian terus.

- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]

#### **190C. Pembayaran Bagi Pesanan Kerajaan**

##### **Tatacara Bayaran**

- (a) Pegawai yang menandatangani suatu Pesanan Kerajaan hendaklah mencatatkan jumlah harga dengan perkataan selepas sahaja butiran

akhir dan hendaklah menandatangani ringkas catatan itu. Sebelum pembayaran dibuat, Pesanan Kerajaan asal hendaklah dibandingkan dengan salinan pejabat. Nombor Pesanan Kerajaan hendaklah dicatatkan pada baucar. Bagi perolehan secara elektronik, Pesanan Kerajaan dijana oleh sistem.

(b) [Dimansuhkan]

**190D. Perubahan Dan Pelanjutan Tempoh Kontrak Untuk Kontrak Perkhidmatan**

(a) Perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak perkhidmatan bagi perolehan Persekutuan boleh diluluskan oleh pihak berkuasa yang meluluskan tender asal dengan syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melulus tertakluk kepada Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

(v) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

(c) Perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak perkhidmatan bagi perolehan Negeri hendaklah dirujuk dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri.

(d) [Dimansuhkan]

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

(v) [Dimansuhkan]

(vi) [Dimansuhkan]

(e) [Dimansuhkan]



## (vi) LEMBAGA PEROLEHAN

### 191. **Pertimbangan Tender**

Pegawai Pengawal hendaklah memastikan semua perolehan secara tender dipertimbangkan dalam mesyuarat Lembaga Perolehan. Pertimbangan tender secara edaran adalah tidak dibenarkan.

### 192. **Pelantikan Ahli Lembaga Perolehan**

#### **Ahli Lembaga Perolehan**

- 192.1 (a) Ahli Lembaga Perolehan Persekutuan hendaklah dilantik oleh Menteri Kewangan dan ahli Lembaga Perolehan Negeri oleh Menteri Besar/Ketua Menteri. Penubuhan Lembaga Perolehan adalah diwajibkan dan diuruskan oleh Perbendaharaan atau Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.
- (b) Keahlian Lembaga Perolehan hendaklah diberitahu dalam Warta Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, yang mana berkenaan. Keahlian/wakil yang menganggotai Lembaga Perolehan hendaklah terdiri daripada pegawai awam daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- (c) Penubuhan, keahlian, had nilai kuasa Lembaga Perolehan serta korum dan kehadiran ahli Lembaga Perolehan di mesyuarat Lembaga Perolehan hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (d) [Dimansuhkan]

#### **Lembaga Perolehan Persekutuan**

192.2 [Dimansuhkan]

#### **Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Negeri**

192.3 [Dimansuhkan]

192.4 [Dimansuhkan]

192.5 [Dimansuhkan]

#### **Wakil Jemputan**

192.6 Lembaga Perolehan boleh menjemput wakil daripada mana-mana Kementerian/Jabatan untuk memberi nasihat sekiranya diperlukan. Pengerusi Lembaga Perolehan hendaklah memastikan hanya ahli Lembaga Perolehan berserta urus setia mesyuarat berada dalam bilik mesyuarat semasa keputusan tender dibuat.

192.7 [Dimansuhkan]

**193. Tanggungjawab Lembaga Perolehan**

Lembaga Perolehan bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan menyetujui terima tender berasaskan kepada prinsip, dasar dan peraturan Kerajaan tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan. Tanggungjawab dan tugas Lembaga Perolehan adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

- (a) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]
- (d) [Dimansuhkan]
- (e) [Dimansuhkan]
- (f) [Dimansuhkan]
- (g) [Dimansuhkan]
- (h) [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
- (j) [Dimansuhkan]
- (k) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 192.6]

194. [Dimansuhkan]

**(vii) PROSES PEROLEHAN**

**195. Kenyataan Tender/Pemberitahuan Sebut Harga**

Kenyataan tender/pemberitahuan sebut harga hendaklah menyatakan bahawa dokumen tender/sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan dituliskan rujukan tertentu supaya boleh dikenali sebelum ia dibuka. Waktu tender/sebut harga ditutup hendaklah ditetapkan pada jam 12.00 tengah hari pada hari bekerja. Dokumen tender/sebut harga yang lewat diterima dari waktu dan tarikh yang ditetapkan tidak boleh dipertimbangkan.

**196. Peti Tawaran**

Tender atau sebut harga yang diterima tanpa dibuka hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran berkunci. Peti tawaran hendaklah dilabelkan dengan tarikh dan waktu peti tawaran ditutup. Dua (2) kunci yang berbeza bagi peti tawaran hendaklah diadakan dan anak kunci dipegang secara berasingan oleh dua (2) orang pegawai kanan Kementerian/Jabatan berkenaan. Keselamatan peti tawaran hendaklah sentiasa dijaga.

## 197. Urusan Pembukaan Tender/Sebut Harga

### Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga

197.1 Tender/sebut harga hendaklah dibuka oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga.

197.2 (a) Pelantikan dan tugas Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(b) [Dimansuhkan]

(c) [Dimansuhkan]

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

(v) [Dimansuhkan]

(d) [Dimansuhkan]

(e) [Dimansuhkan]

(f) [Dimansuhkan]

(g) [Dimansuhkan]

(h) [Dimansuhkan]

### Memproses Tender/Sebut Harga

197.3 (a) Urus setia yang menguruskan tender atau sebut harga bertanggungjawab untuk mengkaji tender atau sebut harga yang diterima tersebut untuk pertimbangan Lembaga Perolehan atau Jawatankuasa Sebut Harga, mengikut mana yang berkenaan. Kaedah pelantikan, bidang kuasa dan tanggungjawab urus setia adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

(b) [Dimansuhkan]

(c) Ketua Jabatan atau mana-mana pegawai yang terlibat dalam memproses sesuatu tender atau sebut harga hendaklah memastikan bahawa dia tidak mempunyai apa-apa kepentingan terhadap tender atau sebut harga itu. Mana-mana pegawai yang mempunyai kepentingan dalam apa-apa cara pun dengan petender atau syarikat

yang membuat sebut harga, ia hendaklah mengisytiharkan kepentingan dan menarik diri secara bertulis daripada menguruskannya.

**197.4 Perakuan Kepada Lembaga Perolehan Atau Jawatankuasa Sebut Harga**

Urus setia hendaklah menyediakan kertas perakuan/taklimat dan dokumen untuk pertimbangan Lembaga Perolehan atau Jawatankuasa Sebut Harga dengan mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]
- (iv) [Dimansuhkan]
- (v) [Dimansuhkan]
- (vi) [Dimansuhkan]

**198. Setuju Terima Tender**

**Had Nilai Setuju Terima Tender Bagi Lembaga Perolehan Kementerian/Jabatan**

- 198.1 (a) Had nilai setuju terima tender hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]

**Had Nilai Setuju Terima Tender Bagi Lembaga Perolehan Negeri**

198.2 Had nilai setuju terima tender bagi Lembaga Perolehan di Negeri adalah tertakluk kepada perwakilan kuasa yang diberikan oleh Pihak Berkuasa Kewangan masing-masing dari semasa ke semasa.

198.3 Suatu rekod yang lengkap mengenai pertimbangan dan keputusan tender hendaklah disimpan oleh urus setia untuk tujuan audit .

199. [Dimansuhkan]

200. [Dimansuhkan]

**Menandatangani Kontrak**

200.1 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169E]

### **Bon Pelaksanaan Bagi Kontrak Kerja**

- 200.2 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169F(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169F(b)]

### **Wang Tahanan**

- 200.3 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184A(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184A(b)]
  - (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184A(b)(i)]
  - (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184A(b)(ii)]
- (c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184A(c)]

### **Tempoh Tanggungan Kecacatan**

- 200.4 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184B(a)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184B(b)]
- 200.5 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184C]
  - (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184C(i)]
  - (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184C(ii)]
  - (iii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184C(iii)]
  - (iv) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184C(iv)]

### **201. Perubahan Dan Pelanjutan Tempoh Kontrak Untuk Kontrak Bekalan Dan Perkhidmatan**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C dan Arahan Perbendaharaan 190D]

- 201.1 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(a) dan 190D(a)]
  - (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(a)(i) dan 190D(a)(i)]
  - (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(a)(ii) dan 190D(a)(ii)]
  - (iii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(a)(iii) dan 190D(a)(iii)]

- (iv) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(a)(iv) dan 190D(a)(iv)]
- (v) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(a)(v) dan 190D(a)(v)]
- (b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(b) dan 190D(b)]
- (c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(c) dan 190D(c)]
- (d) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d) dan 190D(d)]
  - (i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d)(i) dan 190D(d)(i)]
  - (ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d)(ii) dan 190D(d)(ii)]
  - (iii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d)(iii) dan 190D(d)(iii)]
  - (iv) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d)(iv) dan 190D(d)(iv)]
  - (v) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d)(v) dan 190D(d)(v)]
  - (vi) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(d)(vi) dan 190D(d)(vi)]
- (e) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 178C(e) dan 190D(e)]

## 202. Arahan Perubahan Kerja

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D]

### Definisi Dan Kriteria Arahan Perubahan Kerja

202.1 (a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(a)]

(b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(b)]

(i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(b)(i)]

(ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(b)(ii)]

(iii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(b)(iii)]

(iv) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(b)(iv)]

(c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(c)]

(d) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184D(d)]

### **Had Nilai Perubahan Dan Pihak Berkuasa Melulus**

202.2 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184E]

202.3 [Dimansuhkan]

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

203. [Dimansuhkan]

### **Asas Perkiraan Nilai Arahan Perubahan Kerja**

203.1 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 184F]

#### **204. Syarat Kontrak**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169G]

204.1 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169G]

(i) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169G(a)]

(ii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169G(b)]

(iii) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169G(c)]

#### **205. Pengedaran Dan Penyimpanan Dokumen Kontrak**

[Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169H]

205.1 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169H]

(a) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169H(a)]

(b) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169H(b)]

(c) [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169H(c)]

205.2 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169I]

205.3 [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 169J]

206. [Dimansuhkan]

## **Tatacara Pengurusan Stor**

207 – 228. [Arahan dipindahkan kepada Arahan Perbendaharaan 237-285]

## **Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-Barang Kerajaan**

229. [Dimansuhkan]

## **Perolehan Barangan Import**

229A. Kementerian/Jabatan hendaklah menguruskan pengangkutan/penghantaran dan penyediaan perlindungan insurans bagi barangan import berdasarkan kaedah *incoterms*, Pekeliling Perbendaharaan dan peraturan yang berkuat kuasa.

## **Liputan Perlindungan**

230. [Dimansuhkan]

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

(v) [Dimansuhkan]

## **Premium**

231. [Dimansuhkan]

(a) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

(c) [Dimansuhkan]

## **Rekod Insurans Barang-barang**

232. (a) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

## **Polisi Insurans Marin Perdagangan**

233. (a) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

(c) [Dimansuhkan]



### **Pembelian Secara *Free On Board* (FOB)**

234. (a) Pembelian secara FOB adalah seperti yang dijelaskan dalam Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa. Kementerian/ Jabatan hendaklah memastikan bahawa semua harga tawaran perolehan barangan import secara FOB hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (b) Bagi perolehan haiwan, harga tawaran hendaklah mematuhi Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.

### **Tuntutan Ke Atas Akaun Amanah Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan**

235. (a) [Dimansuhkan]
- (b) [Dimansuhkan]
- (c) [Dimansuhkan]
- (d) [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]
- (iv) [Dimansuhkan]
- (v) [Dimansuhkan]
- (e) [Dimansuhkan]
- (f) [Dimansuhkan]

### **Jumlah Tuntutan**

236. [Dimansuhkan]
- (i) [Dimansuhkan]
- (ii) [Dimansuhkan]
- (iii) [Dimansuhkan]

### **Tatacara Pengurusan Stor**

- 237-285. [Telah dipindahkan kepada Pekeliling Perbendaharaan berkaitan Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Perbendaharaan]

## **(viii) PERKAKASAN DAN PERISIAN ICT/PERALATAN PEJABAT**

286. [Dimansuhkan]

### **Perkakasan Dan Perisian ICT**

287. (a) Kementerian/Jabatan hendaklah merujuk kepada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)/Pihak Berkuasa ICT Negeri sebelum membuat perolehan pembangunan sistem, perkakasan dan perisian ICT berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan atau Pekeliling yang dikeluarkan oleh MAMPU yang berkuat kuasa.

(i) [Dimansuhkan]

(ii) [Dimansuhkan]

(iii) [Dimansuhkan]

(iv) [Dimansuhkan]

(b) Mana-mana perolehan yang melibatkan automasi sistem perakaunan, Kementerian/Jabatan hendaklah meminta nasihat Jabatan Akauntan Negara sebelum membuat sebarang syor kepada MAMPU untuk kelulusan teknikal sekiranya ia melibatkan perolehan ICT.

288. [Dimansuhkan]

289. [Dimansuhkan]

### **Penyenggaraan Dan Pembaikan Peralatan Pejabat**

290. (a) [Dimansuhkan]

(b) [Dimansuhkan]

291. [Dimansuhkan]

## **(ix) PERCETAKAN BORANG DIKAWAL**

### **Borang Kewangan**

292. Cadangan untuk mengadakan borang kewangan cetakan baharu atau meminda borang dan buku rekod yang sedia ada hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Perbendaharaan/Pegawai Kewangan Negeri untuk mendapatkan kelulusan sebelum ia dicetak.

### **Percetakan Resit Rasmi Atau Borang Baharu Yang Mendatangkan Hasil**

293. (a) Apabila suatu Resit Rasmi atau borang baharu yang mendatangkan hasil hendak dicetak, Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah

meminta nasihat daripada Ketua Audit Negara untuk memastikan sama ada Resit Rasmi atau borang itu patut dikawal bagi maksud audit. Ketua Jabatan berkenaan hendaklah juga memberitahu syarikat percetakan berkenaan mengenai tindakan kawalan dan keselamatan yang perlu diambil semasa kerja percetakan Resit Rasmi atau borang baharu berkenaan dilaksanakan.

- (b) Jika Resit Rasmi atau borang baharu itu dikehendaki ditetapkan oleh undang-undang, nasihat Peguam Negara hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum ia boleh dicetak.

### **Bekalan Resit Rasmi Dan Borang Hasil**

- 294. (a) Bekalan Resit Rasmi dan borang hasil hendaklah diperolehi daripada pembekal mengikut Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
- (b) Pembekal yang diluluskan hendaklah memberi butir-butir mengenai borang yang dikeluarkan kepada Akauntan Negara dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatannya butir-butir mengenai borang yang dikeluarkan.

### **Perolehan Percetakan**

- 295. (a) Perolehan percetakan am hendaklah dilaksanakan dengan syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang berkaitan mengikut tatacara perolehan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
  - (b) Semua percetakan dokumen keselamatan yang akan dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan hendaklah dirujuk terlebih dahulu kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri (PKPKKM, JPM) bagi mendapatkan khidmat nasihat dan pengesahan ke atas dokumen keselamatan yang akan dicetak agar ia memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan oleh PKPKKM, JPM. Kementerian/Jabatan hendaklah melaksanakan perolehan perkhidmatan percetakan dengan syarikat percetakan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang cetak keselamatan mengikut had nilai dan kaedah perolehan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan yang berkuat kuasa.
  - (c) Bagi Sabah dan Sarawak, perolehan percetakan adalah tertakluk kepada arahan Pihak Berkuasa Kewangan Negeri dari semasa ke semasa.
- 296. [Dimansuhkan]
  - 297. [Dimansuhkan]
  - 298. [Dimansuhkan]

## **Resit Rasmi dan Borang Yang Belum Digunakan Dan Usang**

